

**NO. SOALAN : 72**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN LIM GUAN ENG [ BAGAN ]**

**TARIKH : 24 MAC 2014 (ISNIN)**

**SOALAN :**

Tuan Lim Guan Eng [ BAGAN ] minta PERDANA MENTERI menyatakan status Pelabuhan Pulau Pinang dan mengapakah tidak ada sebarang pengumuman tentang pengambilan operasinya oleh Johor Seaport Terminal pada Januari 2014 tentang kosnya, tempohnya, jumlah pelaburan dan adakah syarat-syarat termasuk menyegerakan projek pengorekan dasar laut kepada 15 meter sebanyak RM353 juta.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, syarikat Seaport Terminal (Johore) Sdn. Bhd. telah diperakukan sebagai pembida yang berjaya bagi cadangan penswastaan Pelabuhan Pulau Pinang melalui pemilikan ekuiti di dalam Penang Port Sdn. Bhd. (PPSB) setelah cadangan syarikat bersama-sama dengan 4 syarikat lain dinilai daripada aspek teknikal dan kewangan oleh Jawatankuasa Teknikal dan Kewangan yang dianggotai oleh wakil-wakil kementerian dan agensi yang berkenaan. Perolehan ini telah dibuat secara tender terhad (*restricted tender – dengan izin*).

Tuan Yang di-Pertua,

Rundingan mengenai terma-terma perjanjian telah dimuktamadkan dan Perjanjian Tambahan (*Supplemental Agreement*) Penswastaan Pelabuhan Pulau Pinang telah ditandatangani pada 23 November 2013 antara pihak Kerajaan yang diwakili oleh Kementerian Pengangkutan dan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang dengan pihak syarikat.

Antara obligasi syarikat adalah melaksanakan tanggungjawab sosialnya untuk menyediakan kemudahan pengangkutan feri yang memerlukan kos yang besar, di mana syarikat terpaksa menanggung kerugian kira-kira

RM16 juta pada setiap tahun. Selain itu, syarikat juga perlu mengambil alih beban hutang PPSB melebihi RM1.2 bilion, menanggung kos pelaksanaan kerja-kerja pengurukan utama (*capital dredging* – dengan izin) dari 11.5 meter kepada 14.5 meter dan membuat suntikan modal (*cash injection* – dengan izin) bagi menyokong pembangunan di pelabuhan berkenaan.

Setakat ini, syarikat telah membuat bayaran tunai kepada Kerajaan bagi pemilikan ekuiti di dalam PPSB pada 19 November 2013. Pada masa ini, proses *transfer of shares* (dengan izin) sedang dalam tindakan Kementerian Kewangan dan syarikat.

Sekian, terima kasih.

**NO. SOALAN: 73**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA  
[ TASEK GELUGOR ]**

**TARIKH : 24 MAC 2014**

**RUJUKAN : 6538**

**SOALAN:**

**Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [ Tasek Gelugor ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah perancangan Kerajaan bagi mengawal perbuatan memburuk-burukkan Kerajaan serta perbuatan mencetus ketegangan kaum dan agama dan lain-lain lagi supaya ianya tidak merosakkan negara.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Kementerian Dalam Negeri melalui Polis DiRaja Malaysia memandang serius berhubung isu-isu yang sengaja dibawa oleh pihak-pihak tertentu yang dengan sengaja cuba mencetuskan ketegangan serta perbalahan di antara kaum dan agama termasuklah perbuatan memburuk-burukkan Kerajaan seperti yang dimaksudkan oleh Ahli yang Berhormat Tasek Gelugor. Dalam hubungan ini, tindakan tegas di bawah undang-undang sedia ada termasuklah Akta Hasutan 1948 boleh diambil terhadap mereka yang terlibat sekiranya siasatan membuktikan pihak-pihak yang terlibat benar-benar bersalah agar perbuatan-perbuatan yang boleh menggugat keselamatan, ketenteraman dan keharmonian negara dapat dikawal.**